

## RENCANA



# ‘Guru Harapan’ impikan jalinan mesra mendidik si cilik

► **NUR HUMAIRA SAJAT**  
nhumaira@sph.com.sg

BELIAU pada mulanya berkecimpung dalam bidang perhubungan massa tetapi setelah dua tahun, mendapati bahawa ia bukan apa yang ingin dilakukannya.

Sebaliknya, Cik Nur Hawa Noor Din memutuskan untuk memburu minatnya dalam bidang pembangunan awal kanak-kanak.

Lima tahun sudah berlalu sejak beliau membuat pertukaran itu dan Cik Nur Hawa, 27 tahun, tidak menyesal mengorak langkah tersebut.

Malah, beliau kini sedang mempertingkatkan dirinya dengan mengambil Sarjana Muda secara sambilan dalam pendidikan awal kanak-kanak dengan pengurusan di Universiti Sains Sosial Singapura (SUSS).

“Saya mempelajari juga bahawa enam tahun pertama dalam kehidupan seorang kanak-kanak itu amat penting dalam kejayaan jangka panjang. Justeru saya terdorong kerana saya mahu menimba lebih ilmu, saya mahu dilengkapi dengan bukan sahaja teori tetapi kemahiran dan strategi tentang bagaimana menangani kanak-kanak dan memahami mereka.

Di akhirnya saya ingin mereka menikmati masa mereka bersama saya dalam bilik darjah untuk mempunyai pendidikan yang lebih bermutu,” kata guru penjagaan kanak-kanak di prasekolah PCF Sparkletots @ Sembawang Central Blk 115B itu.

Bukan mudah untuk mengimbangi kerja sepenuh masa dan memburu ilmu. Setelah sehari mengajar, beliau perlu bergegas ke kelas pada waktu petang sekurang-kurangnya dua kali dalam seminggu.

Walaupun melelahkan, Cik Nur Hawa tetap bertekad untuk mempertingkatkan dirinya.

Kelmarin, Cik Nur Hawa menerima Anugerah Guru Awal Kanak-Kanak Harapan.

Ia merupakan sebahagian Anugerah Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (Ecda) bagi Kecemerlangan Pembangunan Awal Kanak-Kanak yang tahun ini mengiktiraf 25 pusat dan pendidik prasekolah yang menjadi contoh.

Sejak pengenalannya pada 2013, Anugerah Ecda mengiktiraf pusat dan pendidik awal kanak-kanak yang menyerlah dan mempunyai harapan bagi kecemerlangan profesional mereka dalam pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak.

Ketika dihubungi *Berita Harian* (BH), Cik Nur Hawa berkata beliau terkejut kerana tidak sangka akan diberi pengiktirafan, namun akui bahawa ia merupakan suatu yang menggalaknya agar pergi lebih jauh dalam bidang tersebut.

Cik Nur Hawa berkata ketika berjinak-jinak dalam bidang ini, beliau mendapati ia sukar untuk memahami dan berhubung dengan kanak-kanak mengikut tahap mereka.

Biar pun akur kedua-dua bidang perhubungan massa dan pendidikan awal kanak-kanak memerlukan komunikasi yang berkesan, Cik Nur Hawa berkata golongan sasarannya mempunyai perbezaan – satu berhubung dengan orang dewasa, yang lagi satu turut melibatkan kanak-kanak.

Namun lama-kelamaan dengan bimbingan orang di sekeliling, Cik Nur Hawa sudah biasa berinteraksi dengan kanak-kanak.

Malah, beliau bercita-cita mahu menjadi pengetua dan mengendalikan pusat prasekolah beliau sendiri.

Berkongsi bahawa pengalaman menangani pelajar berkeperluan khas sebagai antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan, beliau berkata: “Saya rasa ibarat seorang ibu walaupun bukan seorang ibu, kerana saya sedang memberi penjagaan itu kepada seseorang dan saya ingin mereka mempelajari yang terbaik...walaupun kanak-kanak itu menghadapi beberapa cabaran, saya terdorong ingin tahu bagaimana untuk membantu.”



Foto BH oleh DESMOND WEE

“

Saya mempelajari juga bahawa enam tahun pertama dalam kehidupan seorang kanak-kanak itu amat penting dalam kejayaan jangka panjang. Justeru saya terdorong kerana saya mahu menimba lebih ilmu, saya mahu dilengkapi dengan bukan sahaja teori tetapi kemahiran dan strategi tentang bagaimana menangani kanak-kanak dan memahami mereka.

Di akhirnya saya ingin mereka menikmati masa mereka bersama saya dalam bilik darjah untuk mempunyai pendidikan yang lebih bermutu.

– Cik Nur Hawa (atas) yang menerima Anugerah Guru Awal Kanak-Kanak Harapan, Sabtu lalu.